

Besivance[®]

Besifloxacin Ophthalmic Suspension (0.6% w/v)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Besivance[®]
2. Bagaimana Besivance[®] berfungsi
3. Sebelum menggunakan Besivance[®]
4. Cara menggunakan Besivance[®]
5. Semasa menggunakan Besivance[®]
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Besivance[®]
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang
10. Pemegang Pendaftaran Produk
11. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Besivance[®]

Untuk merawat konjunktivitis akibat bakteria (“mata merah jambu”) iaitu sejenis jangkitan pada konjunktiva, suatu membrane berwarna jelas yang meliputi bahagian mata putih dan juga permukaan dalaman kelopak mata.

Bagaimana Besivance[®] berfungsi

Ampaian oftalmik ini (ubat titis mata) mengandungi besifloxacin sebagai bahan aktif: sejenis antibiotic berspektrum luas (kelas fluoroquinolones) yang berkesan terhadap pelbagai jenis bakteria. Ia berfungsi dengan membunuh bakteria yang menyebabkan jangkitan mata ini.

Sebelum menggunakan Besivance[®]

-Bila tidak boleh menggunakan

- Jika anda alah kepada:
 - Besifloxacin, atau kepada quinolones jenis lain.
 - Sebarang jenis kandungan bahan-bahan seperti yang tersenarai pada bahagian akhir risalah ini.
- Pada bayi yang berumur ≤ 1 tahun.

-Sebelum mula menggunakan

Beritahu ahli farmasi, doktor atau pakar mata jika anda:

- Memakai kanta sentuh mata;
- Alah kepada besifloxacin, atau kepada quinolones jenis lain, atau kepada sebarang kandungan bahan yang terdapat dalam ubat titis mata ini.
- Sedang hamil, mungkin sedang hamil atau merancang untuk hamil.
- Sedang menyusukan bayi atau berhasrat untuk menyusukan bayi.

-Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

Cara menggunakan Besivance[®]

-Berapa banyak harus digunakan

Ia biasanya digunakan pada mata yang terlibat tiga kali sehari untuk setiap 4 hingga 12 jam dan untuk selama 7 hari.

Bila perlu digunakan

Gunakan ubat titis mata besifloxacin seperti yang diarahkan, sebaik-baiknya pada masa yang sama setiap hari.

-Berapa lama perlu digunakan

Digunakan sepenuhnya untuk tempoh masa yang telah ditetapkan. Anda perlu terus menggunakannya walaupun anda berasa lebih baik semasa ubat baru saja dimulakan.

Jika anda berhenti menggunakan ubat titis mata besifloxacin terlalu awal atau jika anda melangkau dos, jangkitan anda mungkin tidak benar-benar sembuh dan bakteria boleh menjadi kebal kepada Besivance[®] atau antibiotik lain.

-Jika terlupa menggunakan

Jika hampir kepada masa untuk dos seterusnya, abaikan dos yang tertinggal/terlupa itu. Jika tidak, ambil dos yang tertinggal/terlupa itu untuk mata anda sebaik sahaja anda ingat.

Jangan sekali-kali menggandakan dos untuk menggantikan dos yang terlepas/tertinggal.

-Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Dapatkan rawatan perubatan dengan segera, jika anda rasa anda telah menggunakan ubat ini dengan terlalu banyak.

Semasa menggunakan Besivance[®]

-Perkara yang perlu dilakukan

- Guna ubat ini seperti yang telah ditetapkan oleh doktor anda.
- Cuci tangan anda sebersih-bersihnya sebelum menggunakan ubat ini.
- Setiap kali sebelum menggunakan, terbalikkan botol ubat yang tertutup ke bawah dan ke atas dan goncang sebanyak sekali.
- Keluarkan penutup botol semasa botol masih dalam kedudukan terbalik. Dongakkan kepala anda sedikit ke belakang dan tarik ke bawah kelopak mata bawah anda

supaya poket kecil terbentuk. Sambil memandang ke arah atas dan dengan keadaan botol ubat yang masih terbalik, picit penitis dengan perlahan-lahan supaya setitis ubat jatuh ke dalam poket kecil yang terbentuk oleh kelopak mata bawah tersebut. Tekan secara perlahan-lahan bahagian sudut dalam mata (berdekatan dengan hidung) dengan menggunakan jari anda selama kira-kira 1 minit supaya cecair ubat tidak mengalir ke salur air mata anda.

- Anda harus berhati-hati supaya hujung penitis tidak menyentuh mata atau jari anda, atau mana-mana permukaan untuk mengelakkan hujung penitis tercemar.

-Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan memakai kanta sentuh mata semasa menggunakan ubat Besivance[®] dan sehingga semua tanda-tanda jangkitan telah pulih sepenuhnya.
- Jangan menggunakan ubat ini dengan jumlah dos yang lebih besar atau lebih kecil daripada yang ditetapkan, atau untuk jangka masa yang lebih lama daripada yang disyorkan.
- Jangan menggunakan ubat titis mata selepas ia melepasi tarikh luput (seperti yang dinyatakan pada bungkusan bagi setiap unit dos ubat dan juga pada kotak luar ubat).

-Perkara yang perlu diberi perhatian

Berhati-hati semasa memandu atau mengendalikan mesin. Selepas menggunakan ubat titis mata, tunggu sehingga penglihatan anda menjadi jelas semula sebelum memandu atau mengendalikan mesin. Ini kerana penggunaan ubat titis mata

menyebabkan penglihatan anda menjadi kabur buat sementara waktu.

Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, Besivance[®] boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya.

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini.

- Kabur penglihatan yang bersifat sementara
- Mata yang merah, gatal-gatal dan terengsa
- Sakit mata
- Sakit kepala

Untuk maklumat lebih lanjut mengenai mana-mana kesan sampingan lain yang mungkin akibat ubat ini, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web portal.bpfk.gov.my (Consumer -> Reporting).

Cara penyimpanan dan pelupusan Besivance[®]

-Penyimpanan

Jauhkan daripada jangkauan dan pandangan kanak-kanak

Simpan di bawah suhu 30 °C, di tempat yang sejuk dan kering dan jauh daripada cahaya.

-Pelupusan

Buang ubat yang tidak lagi digunakan atau telah luput. Tanya ahli farmasi bagaimana untuk melupuskan ubat-ubatan dengan cara yang betul.

Maklumat lanjut

-Rupa dan warna produk

Ampain oftalmik steril 5mL dalam botol yang bersaiz 7.5 mL.

-Bahan-bahan kandungan (bagi setiap mL)

- Bahan aktif
 - Besifloxacin 0.6% (6mg/mL)
- Bahan tidak aktif
 - Benzalkonium chloride polycarophil
 - Mannitol
 - Poloxamer 407
 - Sodium chloride
 - Edetate disodium dehydrate
 - Sodium hydroxide
 - Air tulen

-Nombor MAL

MAL20122191AZ

Pengilang

Bausch & Lomb Incorporated
8500 Hidden River Parkway,
Tampa, Florida, 33637 USA.

Pemegang Pendaftaran Produk

Bausch & Lomb (Malaysia) Sdn Bhd
Suite 17-01 & 17-02,
Level 17, The Pinnacle,
Persiaran Lagoon, Bandar Sunway,
46150 Petaling Jaya,
Selangor, Malaysia

Tarikh kemaskini RiMUP

18 / 04 / 2016

Nombor siri

BPFK(R4/1)140416/00110